



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


7 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,255 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **92,456 kes**. Sebanyak 13 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Sandakan manakala masing-masing satu (1) kes di Semporan dan Sipitang. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 653 menjadikan jumlah kumulatif 81,250 orang. Seramai 4,449 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,085 orang di hospital, 3,337 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 132 orang dan 54 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan bertukar dari zon jingga ke zon merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 26 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1,225) kes iaitu penurunan sebanyak (36) kes berbanding (1,291) kes yang dicatatkan semalam (06 Ogos 2021). Kes baharu COVID-19 bagi negeri Sabah kekal berada dalam paras yang tinggi iaitu (1,255) kes.
- b. Kota Kinabalu terus mencatatkan jumlah kes yang tinggi iaitu (241) kes pada hari ini, sedikit berkurang daripada jumlah kelmarin (282) kes. Daerah Tawau juga mencatatkan kes harian yang tinggi iaitu (135) kes berbanding (177) kes kelmarin. Tetapi kes baharu di Tuaran melambung tinggi ke (143) kes, iaitu penambahan (47) kes. Ini terbit daripada (39) kes baharu yang diperolehi melalui Saringan Bersasar di lokaliti PKPD serta (79) kes Kontak Rapat. Kes baharu di Beluran juga naik mendadak ke (123) kes, (109) kes daripadanya melalui Saringan Bersasar. Kelmarin, Beluran hanya mencatatkan (6) kes. Kes baharu di Sandakan juga mencatatkan penambahan kes yang tinggi, daripada (72) kes kelmarin kepada (108) kes hari ini. Kluster baru Lebuh Empat menyumbang (39) kes bagi daerah tersebut. Semua daerah mencatatkan kes baharu.
- c. Kontak Rapat kekal penyumbang terbesar kepada kes baharu, yakni (618) kes atau 49.24%, kategori bergejala (247) kes atau 19.68% dan kes daripada Saringan Kluster sebanyak (131) kes atau 10.43%. Kes-kes baharu yang diperolehi melalui Saringan Bersasar di lokasi-lokasi PKPD menyumbang hampir 15% atau (187) kes kepada kes keseluruhan.
- d. Terdapat dua (2) kluster baharu hari ini iaitu Kluster Sarikan, Nabawan dan Kluster Lebuh Empat, Sandakan.
- e. (38) kes baharu hari ini melibatkan OKT, iaitu tahanan di penjara / pusat tahanan sementara bagi mereka yang menunggu dihantar balik ke negara asal.
- f. Program vaksinasi berjalan lancar. Kelmarin JKNS memberi (administer) 48,195 dos vaksin kepada rakyat yang layak. Kita mengharapkan bekalan vaksin yang banyak dan tidak terputus akan terus kita terima bagi membolehkan JKNS mempertingkatkan dan mempercepatkan gerakan vaksinasi di Negeri Sabah.

- g. Sejumlah 79.28% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (315) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (680) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan ke hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC. (10) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan untuk Kategori 5, tiada kes direkodkan. (246) kes masih dalam siasatan lanjut untuk menentukan pengkategorian
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (618) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	131	10.43%
2	Bergejala	247	19.68%
3	Kontak	618	49.24%
4	Bersasar	187	14.9%
5	Lain-lain	72	5.73%
JUMLAH		1,255	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (06 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 06/08/2021	Catatan Kes 07/08/2021	Perbandingan
1	Beluran	6	123	+117
2	Tuaran	96	143	+47
3	Sandakan	72	108	+36
4	Kudat	7	22	+15
5	Tenom	17	29	+12
6	Tambunan	5	13	+8
7	Kota Belud	28	35	+7
8	Kota Marudu	18	23	+5
9	Lahad Datu	10	15	+5
10	Kalabakan	16	21	+5
11	Tongod	13	17	+4
12	Pitas	6	9	+3
13	Nabawan	2	3	+1
14	Telupid	6	7	+1
15	Beaufort	54	54	Kekal
16	Semporna	10	10	Kekal
17	Papar	112	46	-66
18	Sipitang	54	7	-47
19	Tawau	177	135	-42
20	Kota Kinabalu	282	241	-41
21	Penampang	131	92	-39
22	Ranau	40	2	-38
23	Putatan	31	23	-8
24	Kuala Penyu	9	1	-8
25	Keningau	52	47	-5
26	Kunak	16	12	-4
27	Kinabatangan	21	17	-4
JUMLAH		1,291	1,255	-36

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (24 Julai - 06 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	119	86	17	19	241	2,868
Tuaran	1	79	20	39	4	143	1,125
Tawau	7	87	34	0	7	135	1,443
Beluran	1	12	1	109	0	123	359
Sandakan	41	18	27	0	22	108	765
Penampang	2	70	13	6	1	92	1,116
Beaufort	0	40	4	8	2	54	707
Keningau	1	37	6	2	1	47	646
Papar	1	29	14	0	2	46	625
Kota Belud	12	20	3	0	0	35	227
Tenom	19	10	0	0	0	29	210
Putatan	0	9	12	0	2	23	310
Kota Marudu	14	7	2	0	0	23	220
Kudat	4	13	3	1	1	22	209
Kalabakan	7	9	5	0	0	21	310
Kinabatangan	12	1	2	0	2	17	380
Tongod	7	10	0	0	0	17	194
Lahad Datu	1	9	5	0	0	15	156
Tambunan	0	11	1	0	1	13	41
Kunak	0	2	4	5	1	12	231
Semporna	0	5	3	0	2	10	58
Pitas	0	8	0	0	1	9	51
Telupid	0	5	0	0	2	7	252
Sipitang	0	5	1	0	1	7	475
Nabawan	1	2	0	0	0	3	30
Ranau	0	0	1	0	1	2	271
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1	83
JUMLAH	131	618	247	187	72	1,255	13,362

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kudat	Kluster Jeti Kudat	4
Keningau	Kluster Gerbang Kauran	1
Penampang	Kluster Jalan Penampang	2
Tuaran	Kluster Jalan Mat Salleh	1
Papar	Kluster Jalan Mat Salleh	1
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	12
Nabawan	Kluster Sarikan	1
Kota Marudu	Kluster Gunsapau	14
Tenom	Kluster Sibulu	19
Tawau	Kluster Lahat-Lahat	7
Kinabatangan	Kluster Bukit Mas	1
	Kluster Pauh	11
Kalabakan	Kluster Agathis	7
Sandakan	Kluster Batu 3 Utara	1
	Kluster Jalan Utara Dua	1
	Kluster Lebu Empat	39
Lahad Datu	Kluster Jalan Tungku	1
Tongod	Kluster Jalan Corak	7
Beluran	Kluster Pauh	1
JUMLAH		131

- 6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Sarikan - Nabawan** merupakan kluster jenis komuniti. Kes indeks adalah lelaki, 34, yang disahkan positif COVID-19 pada 03 Ogos 2021 setelah bergejala demam, sakit tekak, selesema, batuk, hilang deria rasa dan bau sejak 27 Julai 2021. Daripada 48 kontak yang disaring, 14 individu dikesan positif termasuk satu (1) kes baharu hari ini dan telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan pengasingan. Manakala, 34 individu masih menunggu keputusan saringan pertama.
 - ii **Kluster Lebuah Empat - Sandakan** melibatkan anggota IPD Sandakan dan orang kena tahan (OKT) di Lokap IPD Sandakan. Kes indeks merupakan OKT lelaki, 63, yang disahkan positif COVID-19 (RTK-Antigen) dalam saringan OKT dan didaftarkan pada 05 Ogos 2021 hasil saringan OKT. Saringan kontak dijalankan dengan mengambil 122 sampel. Daripada jumlah tersebut, 50 sampel dikesan positif, termasuk 39 kes baharu hari ini iaitu 35 OKT dan empat (4) anggota IPD Sandakan. Manakala, baki 71 sampel didapati negatif.

7 Jumlah kapasiti katil 6,622 unit

- Hospital 1,143 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,607 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 872 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.06%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 07 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,211
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	6
Orang Dalam Tahanan /Banduan	38
Jumlah	1,255

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
Kedah	1
Sarawak	1
Perak	1
Negeri Sembilan	1
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	6

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	962
Bukan Malaysia	293
Jumlah	1,255

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	325
Belum Menerima Vaksin	642
Menerima Dos 1	136
Lengkap Dos 2	152
Jumlah	1,255

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	11
1 to 5	88
6 to 17	226
18 to 59	849
>60	81
Jumlah	1,255

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 07 Ogos 2021)
1	Kota Kinabalu	25
2	Tawau	19
3	Penampang	16
4	Keningau	14
5	Beaufort	13
6	Tuaran	11
7	Sandakan	8
8	Sipitang	7
9	Kudat	5
10	Kinabatangan	4
11	Papar	4
12	Kunak	3
13	Putatan	3
14	Ranau	3
15	Tenom	3
16	Beluran	2
17	Kota Marudu	2
18	Telupid	2
19	Kota Belud	1
20	Kuala Penyu	1
21	Lahad Datu	1
22	Tongod	1
JUMLAH		148

D SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN

SOP sambutan perayaan Zhongyuan / Yulanpen oleh penganut agama Buddha dan Tao di rumah ibadat bukan Islam (Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Empat (4) Taman Perumahan di Semarak, Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Taman Semarak Indah • Taman Semarak Jaya • Flat Sri Semarak • Taman Sejati 	9 Ogos 2021	22 Ogos 2021
2.	Dua (2) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Koidupan • Kampung Guunsing-Novunsu 	9 Ogos 2021	22 Ogos 2021
3.	Kampung Marau, Sipitang, Sabah	9 Ogos 2021	22 Ogos 2021
4.	Kampung Baru Kimanis Papar Sabah	9 Ogos 2021	22 Ogos 2021
5.	Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah	9 Ogos 2021	22 Ogos 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) Lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Lajau • Kampung Kota Klias 	26 Julai 2021	Ditamatkan pada 8 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

2.	Kampung Tungkang, Kudat, Sabah	26 Julai 2021	Ditamatkan pada 8 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Perumahan Ladang Kim Loong, Beluran, Sabah	26 Julai 2021	Ditamatkan pada 8 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Telisai, Tungku, Lahad Datu, Sabah	26 Julai 2021	Ditamatkan pada 8 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
5.	Taman Jaya Diri, Kota Kinabalu, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan awal pada 8 Ogos 2021.
6.	Kampung Pituru Kinarut, Papar, Sabah	21 Julai 2021	Ditamatkan awal pada 8 Ogos 2021

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **34,997** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,002,452 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **12,205** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 390,238 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 11,288 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,261,894 (Mysejahtera 1,178,382: Laman Web 83,233: Talian Vaksinasi 279) bersamaan 45.8%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **386,927** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 201 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 37,812 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 236 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 39 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 11 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
- Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- Dua (2) Orang : Pemilik Premis Gagal Mematuhi Masa Operasi
- Tiga (3) Orang : Lain-lain Kesalahan Yang Tidak Tersenarai
- Sembilan (9) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan
- Lima (5) Orang : Keluar Masuk Kawasan PKPD

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 95 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,355 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT pada hari ini. Kedua-dua kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Beaufort atas kesalahan gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau menggunakan buku rekod.

- iii Sebanyak (14) notis dikeluarkan iaitu tujuh (7) di daerah Lahad Datu dan tujuh (7) di daerah Sandakan.
 - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 293 premis perniagaan dan 487 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis beroperasi lebih masa / tanpa kebenaran di Lot 33 & 34 Ground Floor University Plaza dan Power Co Elektrik Sdn. Bhd. Tujuh (7) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Gerai-gerai Tepi Jalan Kopungit (3 Orang) dan Sengheng Elektrik Sdn. Bhd. (4 Orang).
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 372 Premis Perniagaan melibatkan 180 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 82 anggota di 100 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 38 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 184 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Tenom	96%
3	Beluran	96%
4	Beaufort	96%
5	Kinabatangan	96%
6	Sandakan	96%
7	Kota Belud	96%
8	Kota Kinabalu	95.5%
9	Tuaran	95.5%
10	Keningau	95.5%
11	Ranau	95.5%
12	Papar	95.5%
13	Sipitang	95.5%
14	Kota Marudu	95%
15	Tawau	95%
16	Kunak	95%
17	Lahad Datu	95%
18	Penampang	95%
19	Kudat	95%


- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT				
SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN OLEH PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) BERMULA 08/08/2021 HINGGA 06/09/2021				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM UNTUK UPACARA KEAGAMAAN DAN SEMBAHYANG Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam.	a) 6 pagi – 2 petang b) 4 petang – 8 malam 12 orang sahaja termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran. Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam Pemilihan Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut untuk hadir sembahyang tertakluk kepada pihak pengurusan Rumah Ibadat bukan Islam tidak melebihi 12 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pameran notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.	Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul di luar Rumah Ibadat bukan Islam. Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan sembahyang oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 06 OGOS 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN OLEH PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) BERMULA 08/08/2021 HINGGA 06/09/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p>PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM UNTUK UPACARA KEAGAMAAN DAN SEMBAHYANG</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam.</p>	<p>a) 6 pagi – 2 petang b) 4 petang – 8 malam</p> <p>12 orang sahaja termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.</p>	<p>Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal</p> <p>Kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i></p> <p>Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p>	<p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.</p>

Tarikh dikemaskini: 06 OGOS 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN OLEH PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) BERMULA 08/08/2021 HINGGA 06/09/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p>PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM UNTUK UPACARA KEAGAMAAN DAN SEMBAHYANG</p> <p>Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam</p>	<p>a) 6 pagi – 2 petang b) 4 petang – 8 malam</p> <p>12 orang sahaja termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.</p>	<p>Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal</p> <p>Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib.</p>	<p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul di luar Rumah Ibadat bukan Islam</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p>

Tarikh dikemaskini: 06 OGOS 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN OLEH PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO
DI RUMAH KEDIAMAN (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) BERMULA 21/08/2021 HINGGA 22/08/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI RUMAH KEDIAMAN JENIS (ATAS TANAH) UNTUK UPACARA KEAGAMAAN DAN SEMBAHYANG	21/08/2021 (12:01 pagi) hingga 22/08/2021 (12:00 tengah malam) Ahli keluarga yang tinggal dalam rumah yang sama sahaja	Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan dan peralatan yang kerap disentuh Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Untuk ahli keluarga sahaja.	Ahli keluarga yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.

Tarikh dikemaskini: 06 OGOS 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN / YULANPEN OLEH PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO
DI RUMAH KEDIAMAN (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) BERMULA 21/08/2021 HINGGA 22/08/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI KEDIAMAN RUMAH BERTINGKAT UNTUK UPACARA KEAGAMAAN DAN SEMBAHYANG	<p>21/08/2021 (12:01 pagi) hingga 22/08/2021 (12:00 tengah malam)</p> <p>Tidak melebihi 10 orang ahli keluarga pada satu-satu masa dengan persetujuan serta pengawasan Pihak Pengurusan Rumah Bertingkat dan mengambil kira penjarakan fizikal.</p>	<p>Jawatankuasa Pengurusan Kediaman Rumah Bertingkat perlu memastikan rekod kehadiran dengan menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kediaman Rumah Bertingkat perlu memastikan penyediaan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air</p> <p>Menjalankan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit pada setiap sesi upacara keagamaan</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Persiapan semasa operasi di Kawasan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kediaman Rumah Bertingkat.</p>	<p>Ahli Keluarga yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Ahli keluarga berkumpul melebihi 10 orang.</p>

Tarikh dikemaskini: 06 OGOS 2021